PENANG

16 - 31 MAC, 2024

PERCUMA

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# BKIP3

# limpahan ekonomi naik taraf infrastruktur

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN -** Fasa ketiga Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP3) serta kawasan sekitarnya akan turut mendapat limpahan pelaburan dan pembangunan ekonomi apabila Kerian Hi-Tech Park dekat utara Negeri Perak Darul Ridzuan dibangunkan kelak.

Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim memberitahu perkara itu kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sebelum menyempurnakan majlis pecah tanah BKIP3 di sini pada 16 Februari 2024.

"Berita baiknya adalah usaha membangunkan Kerian Hi-Tech yang baharu akan membawa limpahan (pelaburan dan pembangunan ekonomi) ke Seberang Perai Selatan (SPS) termasuk Sungai Acheh.

"Tekanan air dan tenaga yang mana ditumpukan di Perak dan kawasan Kerian, akan dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan…bekalan air yang banyak dari atau ke Kerian akan 'turun' ke Seberang Perai.

"Jadi, kita (Kerajaan Persekutuan) akan segerakan projek Air Perak Pulau Pinang," jelasnya yang juga Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Tambun, Perak dalam majlis anjuran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berkaitan.

Sebagaimana dinyatakan Kon Yeow, Anwar berkata bahawa pihaknya mengambil maklum 'masalah' bekalan air terawat yang menekan di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) termasuk kawasan Parlimen Nibong Tebal.




**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkaitan mengiringi Perdana Menteri (tengah) menyempurnakan majlis pecah tanah BKIP3 di sini baru-baru ini.**

Berucap sebelum itu, Kon Yeow memberitahu bahawa BKIP3 serta seluruh kawasan industri negeri dan wilayah utara Semenanjung Malaysia akan mendapat limpahan ekonomi yang positif ekoran wujudnya kesalinghubungan infrastruktur berkualiti seperti Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), Jambatan Pulau Pinang, *Penang Port* dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

*(Sambungan di muka 2).*

# Kutipan zakat ZPP tahun 2023 meningkat kepada RM159.7 juta

**SEBERANG JAYA –** Jumlah kutipan zakat oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) meningkat lagi kepada RM159.7 juta pada tahun 2023 berbanding RM150.14 juta (2022).

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa jumlah itu adalah merangkumi kutipan zakat harta dan zakat fitrah bagi tahun 2023.

"Prestasi kutipan zakat harta pada tahun 2023 adalah berjumlah RM152,860,020.39 berbanding RM143,546,763.64 (2022) iaitu peningkatan pada kadar 6.48 peratus.

"Walau bagaimanapun, bilangan pembayar zakat harta sedikit menurun pada 2023 kepada 75,296 orang/syarikat berbanding tahun 2022 iaitu seramai 77,895 orang/syarikat, penurunan seramai 2,597 orang/syarikat atau -3.33 peratus.

"Penurunan jumlah pembayar zakat harta adalah disebabkan oleh penyusutan mendadak bilangan pembayar zakat bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) iaitu seramai 4,990 orang berbanding tahun 2022.

"Hal ini disebabkan momentum pembayaran zakat KWSP telah berkurangan secara signifikan kerana tiada lagi pengeluaran bersasar yang disediakan oleh KWSP seperti pengeluaran i-Sinar, i-Citra dan sebagainya," katanya pada sidang media dekat Ibu Pejabat ZPP di sini 9 Februari lalu.

Turut hadir, Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Roslan Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Dato' Amran Hazali.

Mohamad yang juga Yang Dipertua MAINPP menyatakan bahawa kutipan zakat fitrah juga meningkat sebanyak 4.01 peratus kepada RM6,844,348 pada tahun 2023 berbanding RM6,580,382.97 pada tahun 2022.

"Jumlah pembayar zakat fitrah pada tahun 2023 meningkat sebanyak 20,715 orang atau 2.56 peratus kepada 829,304 orang berbanding 808,589 orang pada tahun sebelumnya.

"Agihan zakat pada tahun lepas pula meningkat 11.74 peratus iaitu sebanyak RM173,390,486.93berbanding RM155,172,694.81 (2022).

"Bilangan penerima zakat (mustahik) pada tahun 2023 adalah seramai 43,367 orang berbanding pada tahun 2022 iaitu meningkat seramai 3,127 orang atau 7.77 peratus," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Mengulas lanjut, Mohamad memberitahu bahawa kutipan zakat menerusi Skim Sakinah (Skim Potongan Zakat Bulanan) pada tahun 2023 meningkat sebanyak RM1,761,425.13 atau 3.18 peratus kepada RM57,082,548.99 berbanding RM55,321,123.86 (2022).

"Di samping itu, kutipan zakat harta yang diterima melalui laman portal *www.zakatpenang2u.com* pada tahun 2023 adalah sebanyak RM12,687,671.29 berbanding RM7,903,991.57 (2022) iaitu peningkatan pada kadar 60.52 peratus.

"Peningkatan pembayaran zakat melalui laman portal ini memberi gambaran bahawa pembayar zakat di Pulau Pinang sudah mulai menggemari kaedah pembayaran digital yang mudah dan cepat," ujarnya sambil menambah bahawa ZPP menyasarkan kutipan zakat berjumlah RM170 juta pada tahun ini.



DR. Mohamad Abdul Hamid.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Terus berkembang sebagai destinasi pelaburan

Sehubungan itu, dengan kehadiran Anwar sendiri bagi merasmikan projek taman industri baharu yang merupakan taman industri ke-10 PDC di sini, diharap ia akan membuka lebih banyak potensi untuk negeri Pulau Pinang terus berkembang sebagai destinasi pelaburan pilihan buat golongan pemain industri.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan bahawa selama lebih 60 tahun di Pulau Pinang, terdapat lebih 350 syarikat antarabangsa (MNC) dan 4,000 perusahaan kecil dan sederhana (SME), sungguhpun Pulau Pinang adalah negeri kedua paling kecil dalam negara.

Sebagai negeri yang paling ke hadapan dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), menurut Kon Yeow, Pulau Pinang terus menjadi pemacu untuk eksport E&E dalam negara.

"Pada tahun 2021, Pulau Pinang mencatatkan rekod eksport tertinggi dalam negara dengan jumlah RM354 bilion nilai eksport.

"Prestasi cemerlang negeri diteruskan pada tahun 2022 dengan kadar peningkatan 27 peratus tahun ke tahun dengan jumlah RM452 bilion iaitu 29 peratus daripada keseluruhan eksport negara," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Tambah beliau, Pulau Pinang juga terus menjadi destinasi yang digemari oleh para pelabur ke Malaysia yang mana pada tahun 2021 menyaksikan RM76 bilion nilai pelaburan diluluskan ke negeri ini.

"RM76 bilion adalah rekod tertinggi oleh negeri setakat ini.

"Setakat bulan Januari hingga September 2023, jumlah pelaburan pembuatan yang diluluskan adalah sebanyak RM38.9 bilion, dengan pelaburan sektor E&E sebanyak 87 peratus," ulasnya.

Mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Rosli Isa; barisan Exco Kerajaan Negeri dan Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Aziz Bakar antara barisan pemimpin Kerajaan Negeri yang hadir bagi menyaksikan acara pecah tanah projek taman industri baharu negeri tersebut.

Sebagai rekod, BKIP3 terletak di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bukit Tambun dekat Daerah SPS.

Berkeluasan 622.61 ekar, ikut pecahan tanah, kawasan perindustrian seluas 339 ekar atau 54 peratus; infrastruktur utama (170.17 ekar atau 27 peratus); komersial (37.04 ekar atau 6 peratus); hab logistik (67.6 ekar atau 11 peratus) dan asrama pekerja (8.4 ekar atau 1 peratus).




Oleh: AZMI HUSSIN

# Atlet cemerlang SOPMA terima SKIMAS tanda penghargaan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**



KETUA Menteri dan Daniel Gooi Zi Sen (berdiri, enam dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan atlet dan waris-waris berkaitan sejurus penyampaian SKIMAS untuk kejohanan SOKMA di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Kejayaan cemerlang 11 atlet mengharumkan nama Pulau Pinang dalam kejohanan Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA) pada Disember tahun lalu telah melayakkan mereka menerima Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa beliau kagum dengan semangat juang dan kegigihan semua atlet yang mewakili negeri Pulau Pinang pada kejohanan tersebut.

Sesungguhnya, semangat juang anda semua (atlet) amatlah dihargai, terima kasih kerana telah mengharumkan nama negeri.

"Kejayaan ini bukan hanya membanggakan negeri Pulau Pinang malahan turut memperkasa semangat kesukanan dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Ini adalah bukti bahawa dengan usaha dan komitmen yang utuh, tiada impian yang tidak boleh dicapai" ujarnya pada majlis penyampaian insentif di sini 8 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen; Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua; Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, Mozakir Buyong Mokhtar dan Presiden Persatuan Sukan Orang Pekak Negeri Pulau Pinang, Kung Tze Zern serta pengiring.

Sebagai Ketua Menteri, Kon Yeow menyatakan bahawa beliau amat berbangga apabila Pulau Pinang berjaya melahirkan ramai atlet yang mampu bersaing pada peringkat kebangsaan dan membawa pulang kejayaan.

"Ini adalah pencapaian yang patut kita semua banggakan. Tahniah kepada semua atlet yang telah mengharumkan nama negeri Pulau Pinang di pentas SOPMA.

"Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin untuk mencapai lebih banyak kecemerlangan pada masa akan datang," jelasnya.

Terdahulu, Kon Yeow mengumumkan bahawa jumlah insentif yang diterima oleh 11 atlet itu adalah RM32,600 sambil menyifatkan ia sebagai penghargaan atas kejayaan mengharumkan nama Pulau Pinang.

Sementara itu, Zi Sen menyatakan bahawa kejayaan yang dirangkul oleh para atlet istimewa berkaitan adalah hasil usahasama, azam, tekad dan semangat kesukanan yang tinggi.

"Acara sukan ini bukanlah semata-mata peraduan fizikal tetapi lebih daripada itu, ia memupuk kekuatan fizikal dan kecekalan mental.

Bagi pihak Kerajaan Negeri pastinya kita akan memfokuskan penyediaan dan pembangunan bakat sukan melalui pelbagai program pengukuhan.

"Tidak hanya itu, infrastruktur sukan berkualiti yang disediakan juga perlu mesra orang kurang upaya (OKU) dan berkeperluan khas supaya dapat melahirkan atlet yang mampu menyertai persaingan pada peringkat antarabangsa," katanya.

Dalam pada itu, **NURDAMIA MOHAMAD YUSOF**, 14, ketika ditemui berasa gembira dan berbangga dengan pencapaiannya pada kejohanan SOPMA Ke-21 di Kuala Lumpur tahun lalu.

Anak kedua daripada dua adik-beradik itu menjalankan latihan setiap petang selepas waktu persekolahan sejak tiga tahun lepas.

Adakala latihan dijalankan bersama-sama jurulatih dan kadang-kadang (berlatih) sendiri.

"Sasaran seterusnya adalah untuk menyertai kejohanan SOPMA Ke-22 di Sarawak pada 2025 nanti," katanya yang berjaya merangkul pingat emas bagi acara larian 800 meter (m) kategori wanita serta satu pingat perak dan dua gangsa masing-masing bagi acara larian 400m, 1,500m dan 4x400m (berpasukan).

Nurdamia yang membawa pulang insentif tunai berjumlah RM8,700 berhasrat untuk memberinya kepada ibu bapa.

Bagi **NURUL HUSNA MOHAMAD JAMAL**, 19, yang membawa pulang insentif tunai berjumlah RM7,200 selepas berjaya menempa pingat emas bagi acara larian 1,500m serta pingat perak (larian 800m) dan gangsa (larian 4x400m) pada kejohanan itu turut berbangga dengan pencapaiannya sehingga kini.

"Sememangnya saya meletakkan sasaran untuk podium setiap kali menyertai mana-mana kejohanan, sejak sekolah lagi.

"Lagipun, saya bercita-cita untuk menjadi atlet olahraga suatu hari nanti," ulas anak kelima daripada enam adik beradik itu.

Nurul Husna yang ditemani ibu, Norhayati Chik dan bapa, Mohamad Jamal Abdul Manaf turut menjalankan latihan setiap hari selepas waktu bekerja bagi mengekalkan stamina.

Bagi atlet badminton, **DYMPHNA SIMON**, 21, penyertaan pertama kali pada kejohanan SOPMA itu membawa tuah kepadanya. Manakan tidaknya, beliau berjaya merangkul dua pingat emas bagi acara badminton perseorangan dan beregu wanita.




**NURDAMIA Mohamad Yusoff.**

*(Sambungan di muka 4).*

(Sambungan dari muka 3).

# Syabas!




**NURUL Husna Mohamad Jamal (tengah) menunjukkan medal yang dimenangi dengan ditemani ibu dan bapanya.**

Mula berkecimpung dalam sukan badminton sejak berumur 10 tahun, anak kelahiran Sabah yang berkelana ke Pulau Pinang kerana tuntutan kerja juga tidak melepaskan peluang menyertai kejohanan SOPMA di Sarawak nanti.

Sesi latihan hanya dapat dilakukan setiap hujung minggu sahaja kerana bekerja.

"Sangat gembira apabila pertama kali menyertai kejohanan ini dalam acara beregu wanita dan menang emas," ujarnya yang pernah mewakili Malaysia dalam kejohanan badminton peringkat Asia Pasifik suatu ketika dahulu.

Kawan baik yang juga rakan beregu Dymphna iaitu **BIBIANA MOURUS**, 21, turut gembira dan berkongsi cerita mengenai persahabatan mereka.

"Kami berkawan sejak di bangku sekolah rendah lagi ketika di Sabah dan mempunyai minat yang sama iaitu bermain badminton.

"Malah, kami juga sama-sama bekerja di tempat yang sama di salah sebuah kilang di Bayan Lepas sebagai operator pengeluaran.

"Kebiasaannya, apabila berlatih pada hari Sabtu dan Ahad, kami memang berlatih seharian dan sasaran seterusnya adalah kejohanan di Sarawak nanti," jelasnya yang membawa pulang pingat emas bagi acara badminton beregu wanita dan pingat gangsa bagi beregu campuran.

Tujuh atlet lain yang membawa pulang pingat gangsa ialah Aidil Iqqram Safry, 17 (larian 1,500m dan 4x400m); Nurul Alieya Shafiena Abdul Halim, 17; Evonne Cheah Loke En Xin,14; Iyad Muhaimin Irrwardy Irwan, 16; Muhammad Alif Asyraf Mohd. Rashid, 16 dan Muhammad Salihin Muhammad Junaiddin, 18, semuanya bagi acara larian 4x400m. Manakala Tan Yoong Hoong, 30 bagi acara badminton beregu campuran.

Pemenang pingat emas menerima RM4,000 bagi acara individu dan RM2,000 bagi acara berkumpulan. Manakala bagi pemenang pingat perak menerima RM2,500 (individu) dan pingat gangsa RM700 bagi acara olahraga dan serta RM750 (badminton).







**DYMPHNA Simon (kiri) dan Bibiana Mourus.**

# PIX jadikan Pulau Pinang lokasi kepelbagaian ekonomi

**SEBERANG JAYA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa inisiatif Kerajaan Negeri melalui *Penang Internet Exchange* (PIX) telah menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi semula jadi untuk kepelbagaian aktiviti usahawan.

Menurut beliau, perkara itu tidak terhad bermula daripada perniagaan tradisional hingga ke aktiviti ekonomi yang memanfaatkan teknologi terkini.

"Saya amat berbangga melihat bangsa Malaysia yang kini terbukti semakin terbuka kepada ilmu berkaitan teknologi dan pemasaran produk dalam talian yang terdiri daripada pelbagai latar belakang ekonomi serta usia.

"Dengan pelancaran PIX baru–baru ini, diharapkan ia dapat melonjakkan lagi pertumbuhan sektor perniagaan di negeri ini ke peringkat global.

"PIX merupakan usaha Kerajaan Negeri bersama-sama agensi berkaitan dalam usaha untuk mengurangkan kependaman rangkaian untuk pengguna internet dan memastikan pengalaman dalam talian yang lebih pantas untuk semua rakyat Pulau Pinang," ujarnya pada penganjuran Karnival Pengukuhan Kesalinghubungan Dan Pembangunan Usahawan Pulau Pinang di sini 16 Februari lalu.

Karnival tersebut dirasmikan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim.

Hadir sama, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil; barisan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Rosli Isa; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi Md. Isa; Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Tan Sri Mohamad Saleh Fateh Din dan Pengerusi Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, Tan Sri Khalid Ramli.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco bagi Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah menyatakan bahawa dalam era digital, penglibatan usahawan dalam talian memainkan peranan penting untuk meningkatkan daya saing yang sihat.

"Ini secara tidak langsung akan menyumbang kepada pembangunan minat yang kreatif dan kritis dalam kalangan masyarakat.

"Di samping itu, ia juga melatih para usahawan untuk membuka peluang baharu dalam mencipta pekerjaan serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang khususnya dan Malaysia amnya.

"Justeru, keupayaan untuk beradaptasi dengan teknologi merupakan kelebihan utama usahawan dalam talian dan Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk menyokong perkembangan ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Dalam pada itu, Kon Yeow berharap agar para usahawan serta rakyat di negeri ini dapat menjalinkan hubungan yang kukuh, saling bantu-membantu dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman untuk kebaikan bersama.

Anwar dalam ucapannya mahukan generasi muda dalam kalangan usahawan hari ini supaya menguasai ilmu berasaskan teknologi bagi memacu kemajuan negara agar kepesatan ekonomi dapat dipertingkatkan.

"Kalau nak pacu negara lebih maju dalam arus perubahan maka tahap penguasaan ilmu dalam bidang-bidang baharu harus cepat dikuasai.

"Dalam beberapa puluhan tahun lalu, perubahan kencang berlaku, kalau kita lambat sesuaikan diri, kita akan ketinggalan.

"Negara-negara kecil di Eropah misalnya, mereka memacu perubahan teknologi dengan cepat dan hasilnya kini mereka juga telah maju ke hadapan setanding negara-negara besar yang lain," kata Ahli Parlimen Tambun, Perak itu.

Pada majlis sama, Anwar turut menyampaikan pakej internet rahmah kepada pelajar-peajar institut pengajian tinggi (IPT) terpilih.

# Jaga kemudahan gelanggang elak vandalisme

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**KEBUN BUNGA -** Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM200,000 bagi memastikan penduduk kawasan Padang Tembak memperoleh kemudahan gelanggang untuk aktiviti sukan futsal dan bola keranjang yang lebih selesa.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen berkata bahawa gelanggang tersebut terpaksa dinaik taraf semula selepas berlaku beberapa kerosakan yang dipercayai berpunca daripada perbuatan vandalisme.

Justeru, beliau menasihati penduduk setempat supaya menjaga kemudahan tersebut dengan baik bagi mengelakkan berlakunya sebarang kerosakan seperti sebelum ini.



**KEMUDAHAN gelanggang bola keranjang untuk kegunaan semua.**



**PEMANDANGAN dari sudut atas gelanggang futsal dan bola keranjang yang sudah dinaik taraf dan dibaiki.**

"Antara kerja-kerja terlibat adalah naik taraf lantai gelanggang, pemasangan semula pagar penghadang bola, mengecat semula, pelindung wayar keselamatan dan pagar anti panjat.

"Selain itu, pemasangan lampu LED juga dilakukan bagi membolehkan penggunaannya pada waktu malam," ujarnya ketika melawat projek pembaikan semula gelanggang futsal dan bola keranjang Padang Tembak di sini 1 Febaruari lalu.

Difahamkan projek naik taraf tersebut telah siap pada Oktober 2023 namun beberapa kerosakan telah berlaku dipercayai akibat vandalisme.

Oleh itu, kerja-kerja pembaikan semula telah dilaksanakan semula melalui peruntukan RM10,000 oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Lee Boon Heng.



**LEE Boon Heng.**

Menurut Boon Heng, sejak ia disiapkan pada Oktober lepas, gelanggang tersebut berdepan dengan tiga aktiviti vandalisme termasuk kerosakan pagar, pendawaian elektrik dan lain-lain.

"Bagi menjamin keselesaan penduduk, lampu gelanggang akan dipadam tepat jam 10 malam.

"Aktiviti bersenam seperti taici juga akan diadakan seawal jam 6 pagi dan sekiranya ada cadangan untuk menambah baik, ia boleh disuarakan melalui pusat khidmat saya.

"Saya juga sedia mempertimbangkan untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) dalam membendung aktiviti vandalisme daripada berulang," ulasnya lanjut.

THE LIGHT CITY
MEZZO
PANGSAPURI
MEWAH PINGGIR LAUT
DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA
Distinctively IJM




HARMONI
LAUT & BANDAR
Suatu kediaman yang bukan sahaja menawarkan landskap mempesona dan kedamaian malah suasana riang gembira menanti anda. Dengan lokasi di kawasan bandar penuh kemeriahan dan kerancakan, anda akan menjadi sebahagian daripada komuniti yang menikmati akses eksklusif ke pelbagai kemudahan awam dan destinasi komersial.
*Harga Jualan dari RM999,000 ke atas*

PEMBANGUNAN BERSAMA
IJM PERENNIAL

JARINGAN SIMFONI SDN. BHD. 201501002724 (1128056-T)
THE LIGHT SALES GALLERY
Suite 16-01, Menara IJM Land, 1, Lebuh Tunku Kudin 3, 11700 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia.

+604 296 1333 IJM Land Berhad ijmland thelightcity.com.my

No. Lesen Pemaju: 19902/03-2027/0059(A) • Sah Hingga: 30/03/2022 - 16/03/2027 • No. Permit Jualan dan Iklan: 19902-1/03-2024/0407(R)-(S) • Tempoh Sah Permit: 17/03/2023 - 16/03/2024 • Pemaju: Jaringan Simfoni Sdn. Bhd. (1128056-T) • Alamat Pemaju: Tingkat 2, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • No. Telefon: 604-3709999 • Pemajuan Perumahan: Mezzo • Harga Menara Pangsapuri A: RM1,089,000 - RM1,681,000 • Jenis Kediaman: Pangsapuri 96m² - 127 m² • Jumlah Tingkat: 34 Tingkat • Jumlah Baki Unit: 148 • Menara Pangsapuri B • Harga Menara Pangsapuri B: RM1,125,000 - RM1,674,000 • Jenis Kediaman: Pangsapuri 96m² - 127m² • Jumlah Tingkat: 34 Tingkat • Jumlah Baki Unit: 94 • Pegangan: Bebas • Bebanan (Gadaian) Tanah: CIMB Investment Bank Bhd • Tempoh Bebanan (Gadaian) Tanah: 48 Bulan (Tarikh Tamat Tempoh: Jun 2025) • Petak Aksesori: Ruang Penghawa Dingin, Lokar dan Tempat Letak Kereta (Kecuali Petak Tempat Letak Kereta Pelawat) • Diskaun 5% untuk Bumiputera • Tarikh Dijangka Siap: Julai 2025 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBPP/OSC/P89939/17 • Sekatan-Sekatan Kepentingan: Dalam tempoh 2 tahun pertama daripada tarikh pendaftaran pindah milik kepada pembeli pertama, tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, cagar, pajak, pajakan kecil atau dilupuskan tanpa kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri. Selepas tempoh ini, sebarang urus niaga boleh dilakukan tanpa perlu mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan kepentingan ini adalah selaras dengan Butiran 17.1(f)(iii) perjanjian.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

# Projek Air Perak - Pulau Pinang harap dilaksana tahun ini

**BUKIT TENGAH -** Pelaksanaan Projek Air Perak - Pulau Pinang bagi keperluan Kerian Hi-Tech Park serta kawasan-kawasan perindustrian industri baharu di utara Perak Darul Ridzuan kelak akan turut memenuhi sektor domestik dan komersial air Pulau Pinang sehingga tahun 2050.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Perdana Menteri kerana berjaya meyakinkan Kerajaan Negeri Perak berhubung keperluan sumber air tambahan bagi sektor perindustrian di utara Perak dan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Pulau Pinang.

"Saya percaya seluruh rakyat negeri Pulau Pinang khususnya pengguna-pengguna (air) domestik serta pengguna-pengguna air untuk aktiviti perniagaan bertambah yakin bahawa dengan Projek (Air Perak - Pulau Pinang), ia akan memenuhi keperluan sehingga tahun 2050.

"Selepas (tahun 2050) itu pun, kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) harap dapat mengusahakan suatu bekalan air yang mampan, maka, kesejahteraan serta keselamatan rakyat negeri Pulau Pinang ini akan terjamin.

"Sebagai Ketua Menteri, saya bersyukur kerana (beberapa syor terutama Projek Air Perak - Pulau Pinang) mendapat sokongan Kerajaan Persekutuan," jelasnya dalam Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Parlimen Batu Kawan di sini pada 17 Februari 2024.

Menurut Exco Kewangan, Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi itu lagi, pentadbirannya berharap Projek Air Perak - Pulau Pinang tersebut dapat dilaksanakan pada tahun 2024 atau tahun hadapan.

Sebelum itu, Kon Yeow mengiringi Anwar menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Taman Perindustrian Batu Kawan 3 (BKIP3) seluas 622.61 ekar dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bukit Tambun.

Semasa berucap, Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun, Perak, antara lain menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan mengambil maklum mengenai cadangan menyegerakan Projek Air Perak - Pulau Pinang bagi menangani 'masalah' bekalan air terawat yang kian menekan di Daerah SPS termasuk kawasan Parlimen Nibong Tebal.

Menjawab soalan pemberita, Kon Yeow memaklumkan bahawa pentadbirannya mengekalkan pendirian sebelum ini iaitu mendapatkan bekalan air terawat apabila Projek Air Perak - Pulau Pinang beroperasi kelak.

"Seperti saya cakap, kita pun mengambil tindakan sendiri menerusi Pelan Kontingensi (Air Mentah 2030 atau RWCP 2030) sendiri, kalau kita menyempurnakan semua (lapan) projek ini (yang bernilai RM1.184 bilion), kita boleh menambah 602 juta liter sehari (JLH) dari sumber (air mentah) dalaman negeri sendiri sementara tunggu siapnya Projek Air Perak-Pulau Pinang.

"(Berhubung Projek Air Perak-Pulau Pinang) itu, kuantiti (air terawat) dan tarif belum ditentukan lagi," responsnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Selain Kon Yeow, Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo yang juga ADUN Perai dan ADUN Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung turut berucap pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; isteri kepada Ketua Menteri, Yang Berbahagia Puan Tan Lean Kee; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol; ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon; ADUN Sungai Puyu, Phee Syn Tze; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad; Ahli Majlis MBSP merangkap Ketua Umno Bahagian Batu Kawan, Dato' Mohd. Noor Ahmad; Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Parti Keadilan Rakyat (PKR) Pulau Pinang, Nurul Izzah Anwar dan Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Kamarul Haizal Koderat.





# Resipi turun-temurun pikat peminat kuih bakul halal



SALAH satu proses pembuatan.

KUIH bakul atau *'nian gao'* merupakan antara menu wajib ketika masyarakat berketurunan Cina menyambut sambutan Tahun Baharu Cina, malah ia tidak lengkap rasanya sekiranya hidangan tradisi itu tidak disajikan.

Namun, kini yang sinonim dengan pelbagai pantang larang itu boleh dinikmati pada bila-bila masa tanpa perlu menunggu musim perayaan, malah semakin ramai pembuat kuih berkaitan dari kalangan orang Melayu dan dijamin halal.

Pemilik Farrah Diba Bakeri (FDB), **NUR FARRAH DIBA AZHAR**, 34, tidak menyangka rasa istimewa yang terhasil daripada resepi turun-temurun keluarganya itu menjadi kegemaran pelanggan bukan sahaja di sekitar Pulau Pinang, malahan serata negeri.

Kendatipun bidang yang diceburinya kini jauh berbeza daripada sektor pelancongan sebelum ini, namun beliau tidak pernah berhenti untuk terus mengusahakan perniagaan kuih bakul halal yang kini menjadi menjadi keutamaan kepada dirinya.

"Saya bertuah kerana ibu dan datuk berketurunan Cina, setiap resepi kuih tradisional yang saya hasilkan sudah tentu menggunakan bahan yang asli serta halal, malah ia juga boleh dinikmati oleh semua kaum berdasarkan bimbingan dan tunjuk ajar serta pantang larang.

"Di samping itu, saya menjual kuih bakul saban tahun sejak dari tahun 2016, namun ketika menjelangnya Tahun Baru Cina permintaan meningkat sekitar 3,500 sehingga 4,500 biji.

"Sebagai makluman, FDB bukan sahaja beroperasi di premis dekat Bandar Perda, malah juga di platform media sosial seperti TikTok Shop, penghantaran melalui pos ke seluruh negara termasuk di Singapura turut disediakan.

"Sehingga kini, kuih yang dibungkus rapi sampai dalam keadaan baik menurut pelanggan-pelanggan FDB, dan mampu bertahan selama seminggu tanpa perlu disimpan dalam peti sejuk," kongsinya dalam sesi wawancara bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** pada 7 Februari lalu.

Sementara itu, berkongsi mengenai proses pembuatan kuih bakul, Farrah Diba turut menyatakan bahawa prosesnya adalah agak rumit dan memerlukan daya fokus yang tinggi bagi memastikan hasilnya menjadi.



NUR Farrah Diba Azhar.

"Sudah tentu saya sangat menjaga kualiti produk makanan yang dihasilkan dan pada masa sama, saya turut menggunakan ramuan daripada bahan semula jadi terutamanya daun pisang yang digunakan sebagai pembalut kuih bakul bagi menaikkan aroma asli kuih bakul.

"Pada peringkat awal, proses dimulakan dengan mengisar beras untuk menghasilkan adunan, lalu dicampurkan dengan ramuan istimewa iaitu minyak kacang tanah yang dihasilkan oleh saya sendiri bagi menjadikan kuih bakul itu lebih berlemak dan wangi.

"Seterusnya, adunan kuih bakul dikukus selama tempoh 16 jam bermula 8 pagi sehingga 12 tengah malam menggunakan dapur gas, bancuhan serta adunan, dan proses pembalutan kuih bakul dilakukan oleh saya sendiri bagi menjamin mutu, kualiti serta keterjaminan produk.

"Purata jumlah kuih bakul yang dapat FDB hasilkan setiap hari adalah sebanyak 200 biji, manakala proses untuk menyiapkan sebiji kuih bakul memakan masa tujuh hari kerana perlu memastikan kuih tersebut betul-betul kering bagi mengelakkan terhasilnya kulat," ujarnya yang berjaya memikat peminat kuih bakul daripada pelbagai latar belakang.

Bagi Nur Farrah Diba, beliau percaya bahawa perjalanan perniagaannya adalah penuh dengan cabaran, namun dek semangat tekad yang kuat, beliau hadapinya dengan tenang.

"Siapa sangka seorang usahawan muda seperti saya berupaya berniaga sendiri dengan hanya menjual kuih tradisional, jika saya menetapkan pemikiran tidak boleh berjaya maka saya akan gagal.

"(Dan) dengan melalui pelbagai cabaran sejak sembilan tahun lalu, saya berupaya memperbaiki pelbagai sudut kekurangan dalam produk dan juga perniagaan, mana tahu saya akan terlibat dalam bidang pertanian pula, penting untuk kita cabar diri sendiri untuk melihat potensi sejauh mana.

"Niat utama saya belajar membuat dan menjual kuih bakul ini tidak lain tidak bukan adalah untuk berkongsi kegembiraan dalam meraikan perayaan, dan kini kaum Melayu tidak ketinggalan untuk merasa sendiri keenakan kuih bakul ini tanpa berasa was-was.

"Justeru, peluang dalam perniagaan ini menjamin keberkatan sekali gus selari dengan usaha menyatukan semua kaum di Malaysia dan memupuk nilai perpaduan melalui makanan tradisional kaum lain," jelasnya lanjut.

Menutup sesi wawancara khas ini, Nur Farrah Diba turut menekankan bahawa beliau hanya akan meneruskan perniagaan di Pulau Pinang kerana keunikan setiap makanan hanya terdapat di negeri ini.

"Saya akan terus menaikkan jenama FDB kerana tahu kuasa membeli di sini (Pulau Pinang) sangat kuat sehingga pelanggan dari Negeri Sembilan dan Terengganu sanggup memandu berjam-jam untuk membeli kuih bakul FDB.

"Diharapkan juga selepas ini lebih ramai yang tahu mengenai FDB dan juga terus-terusan menyokong produk lokal," katanya menutup bicara.



KUIH bakul yang dihasilkan.




SALAH satu sudut menarik yang terdapat di SK Bayan Baru.

# Pendidikan ke arah Pulau Pinang







NAZZATUL Ashima.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & NURASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**SEBERANG JAYA** - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM200,000 secara tahunan dalam usaha memperkasakan pendidikan berkaitan alam sekitar selain RM700,000 bagi program Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang sejak tahun 2010.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa beliau yakin sejak tahun pertama program Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang dilancarkan, Pulau Pinang telah berjaya mewujudkan persekitaran pendidikan hijau dan alam sekitar yang mampan kepada para pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri ini.

"Program ini berbentuk audit tahunan yang terbuka kepada semua sekolah dalam usaha mendidik para pelajar mengenai pemuliharaan sisa, air dan tenaga.

"Objektif utama adalah untuk menyemai semangat cintakan alam sekitar serta kesedaran dalam diri pelajar dan masyarakat, secara umum, terhadap usaha pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

"Usaha ini penting dan menjadi tanggungjawab kita semua untuk mempersiapkan anak-anak kita dengan kemahiran dan ilmu (mengenai alam sekitar) agar dapat membina Pulau Pinang yang lebih berdaya tahan pada masa hadapan," ujarnya pada Majlis Penyampaian Anugerah Sekolah Hijau 2023 peringkat negeri Pulau Pinang pada 1 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad' Pengurus Besar Penang Green Council, Josephine Tan Mei Ling dan wakil Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Sabariah Jaafar.

Mengulas lanjut Kon Yeow memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui agensi negeri, *Penang Green Council* (PGC) dan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri turut menggembleng tenaga memperkenalkan Insentif Tadika Hijau Pulau Pinang untuk semua prasekolah dan tadika berlesen setelah melihat kejayaan penganjuran Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang saban tahun.

"Tahun lepas sejumlah 92 sekolah mengambil bahagian yang mana 50 sekolah di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 42 sekolah di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

"Dalam 92 sekolah yang mengambil bahagian (dalam program Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang), tujuh sekolah terpilih sebagai pemenang pelbagai kategori.

"(Dan) bagi Insentif Tadika Hijau Pulau Pinang 2023 pula, sebanyak 15 prasekolah berdaftar dengan markah tertinggi diberi insentif RM500 berserta sijil," katanya.

Dalam pada itu, Sekolah Kebangsaan (SK) Bayan Baru membawa pulang wang tunai RM5,000, piala berserta sijil selepas diumumkan sebagai johan Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang 2023 bagi kategori sekolah rendah.

Guru Besar SK Bayan Baru, **NAZZATUL ASHIMA ABDUL RAHMAN** ketika dihubungi berkata, kemenangan tersebut adalah hasil usaha semua pihak.

"Persaingan memang sengit dan ia dapat dirasai kerana barisan sekolah yang bertanding hebat-hebat belaka.

"Jadi SK Bayan Baru cuba mencari kelainan untuk diterapkan dalam diri murid-murid supaya timbul perasaan cinta akan hidupan semula jadi.

"Tidak mudah tetapi bimbingan guru-guru yang tidak kenal erti lelah telah membawa kejayaan kepada kami," katanya.

Bercerita mengenai aktiviti, Nazzatul Ashima memaklumkan bahawa pihaknya sentiasa menggalakkan penyertaan aktif dalam pertandingan hijau dan alam sekitar.

"SK Bayan Baru juga tidak ketinggalan menjalankan tanggungjawab sosial korporat bersama-sama komuniti setempat.

"Hal ini kerana, purata murid-murid yang bersekolah di sini, mereka tinggal berdekatan dan ramai yang tinggal di kawasan pangsapuri yang mana aktiviti menanam amat terhad.

"Jadi pihak sekolah menyediakan platform untuk semua murid-murid termasuk murid-murid prasekolah di sini.

"Alhamdulillah, impaknya, murid-murid lebih menghargai tumbuh-tumbuhan dan tidak memetik tanaman yang diusahakan sewenang-wenangnya. Mereka lebih menghargai titik peluh sendiri," ujarnya lagi.

Buletin Mutiara diberitahu bahawa SK Bayan Baru kerap menyertai aktiviti luar seperti aktiviti pemulihan kawasan pantai, menanam tumbuhan hijau di sekolah-sekolah pendidikan khas dan menyumbang pokok ke surau berhampiran sebagai hiasan.

"Sempena Hari Bumi yang bakal disambut nanti, SK Bayan Baru turut terlibat dalam penanaman sebanyak 300 pokok mengikut jenis yang bersesuaian.

"SK Bayan Baru juga terlibat dalam aktiviti pemulihan pantai, menanam tumbuhan di sekolah-sekolah khas dan menyumbang pokok ke surau berhampiran sebagai hiasan," jelas Nazzatul Ashima

# alam sekitar lebih berdaya tahan



**PEMENANG Anugerah Sekolah Hijau 2023 Peringkat Sekolah Rendah merakam momen kemenangan bersama-sama Ketua Menteri.**



**SUDUT kitar semula berwarna-warni hasil inisiatif khas pihak sekolah bagi menarik minat para pelajar.**

yang berbangga dengan pencapaian warga SK Bayan Baru setakat hari ini.

Lebih membanggakan apabila salah seorang guru di SK Bayan Baru menerima anugerah hasil usaha murni membentuk kesedaran murid terhadap rasa cintakan alam sekitar.

"Sekiranya, rekod kehadiran murid kurang memberangsangkan, pihak sekolah akan meminta murid tersebut usahakan tanaman sendiri dan menjaga pokok tersebut sebaiknya.

"Secara tidak langsung, usaha ini memupuk sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar," katanya yang turut menyahut seruan Kerajaan Negeri ke arah melestarikan Visi Penang2030.

## SENARAI PEMENANG

**Anugerah Sekolah Hijau 2023 (Sekolah Rendah)**

Johan : SK Bayan Baru
Naib Johan : Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Yok Eng

**Anugerah Sekolah Hijau 2023 (Sekolah Menengah)**

Johan : Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Butterworth
Naib Johan : SMK Datuk Haji Mohd. Nor Ahmad

**Anugerah Pertandingan Kitar Semula, *'Toray &+ Recycling Competition 2023'***

Johan : SJKC Kuang Yu & *Penang Japanese School.*

**Hadiah Khas**

**i. Penglibatan Digital / Komuniti**

- SMK Datuk Haji Mohd. Nor Ahmad
- SJKC Union

**ii. Inovasi dan Kreativiti**

- Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Subramaniya Barathee
- SMK Agama Perempuan Al-Mashoor

**iii. Kebersihan dan Kehijauan**

- SJKC Kong Min Cawangan Kedua
- SMK Perempuan Methodist

**iv. Kecekapan Sumber Asli**

- SK Padang Tembak
- SMK Padang Polo




| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 012 - 428 5594<br>(F) |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Chee Yeeh Keen<br>cheeyeehkeen@gmail.com | (T) 018 - 388 6317<br>(F) |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Kumaran Krishnan @ Calvin<br>bagandalamn09@gmail.com | (T) 04 - 313 1002<br>(F) |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>dapairputih@gmail.com | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Lee Boon Heng<br>leeboonheng24@gmail.com | (T) 011 - 2773 6684 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Woo Sze Zeng<br>joshuawoosz@gmail.com | (H) 016 - 417 2548 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Wong Yuee Harng<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 299 2574<br>(F) |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 016 - 270 6808<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>ongahteong@penang.gov.my | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Tan Hooi Peng<br>n32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitamdap@gmail.com | (T) 016 - 421 9143<br>(F) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Dato' Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| | |
| | |

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Bukhori Ghazali | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Mohd Sobri Salleh | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhammad Fauzi Yusoff | (T) |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Azmi Alang | (T) |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Izhar Shah Arif Shah | (T) |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Amir Hamzah Abdul Hashim | (T) |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Zulkefli Bakar | (T) |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Nor Zamri Latiff | (T) |
